

# Lelaki mengaku pecah masuk kuarters guru didenda

**SIBU:** Seorang lelaki berusia 34 tahun didenda RM4,000 atau penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas dia mengaku bersalah atas tuduhan memecah masuk ke kuarters guru di Sibu Jaya.

Majistret Romario Jonoj menjatuhkan hukuman itu terhadap Osman Haili dari Siburan, Kuching, yang diwakili peguam bela Kong Chuan Ek.

Osman telah didakwa di

bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan pencerobohan rumah, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda hingga RM5,000 atau kedua-duanya sekali.

Menurut fakta kes, pengadu yang merupakan seorang guru wanita yang tinggal di kuarters tersebut telah bertolak ke Simunjan untuk menyertai Pertandingan Scrabble Pesta Sukan dan

Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran (PSKPP) pada 25 November hingga 4 Disember 2022.

Sebelum berangkat, beliau telah menyimpan barang kemasnya di dalam sebuah kotak dan meletakkannya di dalam almari pakaian.

Pada 9 Disember 2022, beliau telah pergi ke Kuching untuk melawat suaminya dan terlupa memakai barang kemas tersebut.

Kejadian pecah masuk itu

hanya disedari pada 5 Januari 2023, kira-kira jam 10.45 pagi, apabila beliau mendapati tabung duit syilingnya hilang semasa membersihkan rumah.

Pemeriksaan lanjut mendapati beberapa barangan lain turut hilang termasuk rantai emas, gelang emas dan wang tunai.

Hasil siasatan polis menemui dua cap jari di dalam bilik tidur dan analisis yang dijalankan Bahagian D2

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Sarawak mengesahkan bahawa cap jari tersebut sepadan dengan milik tertuduh.

Osmankemudiannya ditangkap pada 4 September 2024 di Jalan Amber, Sibu Jaya.

Tertuduh kemudian dibenarkan bebas setelah membayar denda tersebut.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Haris Danial Mohamed Hassan.